

# Kerajaan umum langkah bantu pengusaha PKS

## Tambahan permit langkah awal bantu peniaga hadapi kenaikan harga barang

Oleh Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan untuk terus berusaha menjaga kepentingan rakyat dan bersedia melakukan apa saja bagi membantu meringankan beban mereka, terutama golongan berpendapatan rendah berikutan kenaikan harga minyak dan barang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata selain menambah permit perniagaan, langkah untuk membantu Pengusaha Kecil Sederhana (PKS) juga akan diumumkan dalam masa terdekat, sebelum pembentangan Bajet 2009, Ogos ini.

“Kita menunggu hasil kajian Kementerian Kewangan kerana ia membabitkan isu cukai dan pengumuman

“Langkah bantu PKS akan diumumkan dalam masa terdekat, sebelum pembentangan Bajet 2009. Kami menunggu hasil kajian Kementerian Kewangan kerana ia membabitkan isu cukai”

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

B-H 23/06/08 MS 2

mengenaikan akan dibuat tidak lama lagi,” katanya selepas menyampaikan taklimat mengenai penstrukturan semula subsidi kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan Ahli Dewan Negara di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan berusaha ke arah mempelbagaikan lagi sumber guna tenaga sama ada solar, angin, biofuel atau nuklear bagi meningkatkan mutu kerja serta produktiviti negara pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat supaya mengubah gaya hidup dan mengelak pembaziran kerana ia antara langkah terbaik yang boleh diambil untuk menghadapi semua keadaan, sama ada ketika susah atau senang.

Abdullah berkata, kerajaan juga

akan memberi bantuan dan kemudahan sewajarnya kepada pengusaha bot serta feri di Semenanjung bagi meringankan lagi beban mereka dalam menghadapi krisis kenaikan harga minyak serta makanan.

Mengenai bantuan kepada Orang Asli, Perdana Menteri berkata, mereka termasuk dalam golongan berpendapatan rendah dan kerajaan sedang merangka program jaringan keselamatan sosial yang sedang dilaksanakan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menjelaskan, Orang Asli tidak akan terbabit dalam program Felda dan Felcra, tetapi akan menyertai Risdan menerusi pembangunan kawasan kelapa sawit.



SEPAKAT: Abdullah dan Najib bergambar bersama Ahli Parlimen Barisan Nasional dan Ahli Dewan Negara pada taklimat mengenai penstrukturan semula subsidi di Auditorium Perdana, Angkasapuri, semalam.